



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

LAWATAN RASMI YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA) KE NEGERI SARAWAK

KUCHING, 18 MAC 2024 – Sebuah jawatankuasa penyelarasan antara Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dengan Kerajaan Negeri Sarawak akan diwujudkan bagi memastikan program dan projek dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya demi kemaslahatan rakyat Sarawak dan Negara.

Perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat rombongan dari PETRA yang diketuai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA, Dato' Sri Fadillah Yusof bersama Kerajaan Negeri Sarawak diketuai YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, di Wisma Bapa Malaysia, hari ini. Sebelum itu Dato' Sri Fadillah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Premier.

Turut sama dalam mesyuarat berkenaan Timbalan Premier merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Sarawak, Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian ; Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, Dato Sri Julaihi Narawi ; Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki; Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan), Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali ; Ketua Setiausaha PETRA,

Dato' Haji Mad Zaidi Bin Mohd Karli, pengurusan dan pegawai tertinggi PETRA serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, Dato' Sri Fadillah yang juga Menteri bertanggungjawab terhadap Hal Ehwal Sabah Sarawak turut mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandaraya Kuching di Jabatan Pengairan Negeri Sarawak. Beliau telah diberi taklimat berhubung rekabentuk RTB Bandaraya Kuching sebelum projek dilaksanakan agar manfaat projek dapat disasarkan kepada masyarakat tepat dan berkesan.

Seterusnya, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA ke Wisma Persekutuan Kuching untuk mendengar taklimat mengenai projek-projek Sarawak oleh agensi pelaksana projek-projek Kerajaan Persekutuan di Sarawak.

Sebanyak 46 projek diluluskan di bawah sektor air di Sarawak menerusi PETRA, iaitu 33 projek sambungan dan 13 projek baharu dengan kos sebanyak RM6.01 bilion. Jumlah yang telah diluluskan bagi pelaksanaan tahun 2024 adalah sebanyak RM298 juta.

Projek-projek yang diluluskan ini merangkumi perlindungan banjir dan banjir pantai, hakisan pantai, pemuliharaan muara, kajian pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*), pembangunan loji rawatan kumbahan, loji rawatan enapcemar, pembangunan sistem pembetulan dan menaik taraf loji rawatan air.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kelestarian dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan untuk menjamin impak yang maksimum kepada rakyat negeri Sarawak. Pemantauan yang komprehensif dan berterusan merupakan kunci utama kepada pembangunan negara yang seimbang seperti mana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri menerusi Gagasan berteraskan konsep Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

18 Mac 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

